A Singapore Government Agency Website



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!



# 'JANJI-NYA MASEH TINGGAL JANJI' KATA PENGUNDI

Berita Harian, 30 December 1967, Page 8

Article also available on Microfilm Reel NL5342

Scroll to Top

Previous Article | Next Article | Previous Page | Next Page

## 'JANJI-NYA MASEH TINGGAL JANJI' KATA PENGUNDI

DALAM Pilehan Raya tahun 1964 yang lalu Tuan Lee Siok Yew Menteri Muda Pelajaran Yang Mewakili Kampong Sungai Ramal Dalam Kajang telah memberikan beberapa janji yang manis untok memikat kami untok mengundi beliau ka-Dewan Ra'ayat Persekutuan.

Antara lain beliau telah berjanji bagi memperbaikki Sekolah Kebangsaan Sungai Ramal Luar yang telah hampir roboh.

Sekolah ini telah berumoh 67 tahun

### Information



Newspaper: Berita Harian

Date: 30 December 1967

Reel Number: NL5342

Share

### Table of Contents

< Previous | Page 8 | Next >

KENAIKAN BAYARAN SEKOLAH KERANA GETAH MURAH?
KENAIKAN BAYARAN SEKOLAH KERANA GETAH MURAH? SURAI^dar^EMBACH^^ NAWAL MO

Pembatalan kerja mengikut atoran guru2 KKGSK jadi tanda tanya
Pembatalan kerja mengikut atoran guru2 KKGSK jadi tanda tanya AHLI PENGASAS Kelantan. fERTAREK

Tak ada-kah perkara lain yang

View Full Table of Contents

dan mempunyai murid tidak kurang dari 500 orang dengan 12 orang guru mengajarnya.

Tetapi telah 4 tahun berlalu pilehan Raya namun janji yang di-buatnya tetap tidak dapat ditunaikan-nya.

Baharu2 ini pula Wakil Peribadi Tuan Lee Siok Yew Dato, sekali lagi sabagai Wakil-nya membuat janji-nya di-dalam satu Meshuarat Ketua2 Kampong di-Pejabat UMNO Kajang. Sampai kini janji yang telah bagitu usang tidak dapat ditunaikan.

Menerusi ruangan yang amat berharga ini kami bagi pehak pengundi Tuan Lee Siak Yew ingin mengingatkan beliau agar dapat menunaikan janji yang telah di-buat-nya untok memperbaiki Sekolah yang tersebut supaya dapat murid2 yang akan bersekolah pada tahun 1968 yang akan datang ini merasai lega sadikit untok belajar.

Sa-bagai sifat-nya Menteri Muda Pelajaran tentu-lah beliau akan merasa perlu untok memperbaiki-nya supaya pelajaran anak2 kampong di-mana beliau mendapat sokongan yang amat besar jangan terbiar sahaja.—PENGUNDI, Selangor.

## Related Articles

No related article found.

National Library Board

Contact Us Feedback FAQ

ort Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29